

Sengsara 15 tahun

Siti Fatimah Nasir
am@hmetro.com.my

■ 36,000 penduduk tanggung derita kawasan perumahan dijadikan laluan lori tanah

Gombak

Perlu berdepan masalah bunyi bising, jalan raya berdebu, risiko keselamatan, kerosakan harta benda persendirian dan harta benda awam.

Itu menggambarkan kesengsaraan dilalui lebih 36,000 penduduk Jalan Muhibbah, Taman Seri Gombak, Batu Caves, di sini, sejak 15 tahun lalu.

Lebih memeritkan kawasan perumahan penduduk dijadikan laluan pintas lori muatan tanah untuk ke tapak projek berhampiran.

Tinjauan Harian Metro di taman berkenaan mendapati dakwaan penduduk mengenai masalah yang membelenggu mereka ternyata benar di mana banyak lori membawa muatan tanah keluar masuk hampir setiap minit dan menggunakan laluan perumahan penduduk untuk ke tapak projek berkenaan.

Penghuni taman itu, Abu Hassan Kamal, 54, berkata, persatuan penduduk sudah membuat aduan kepada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) namun sehingga kini tidak ada sebarang tindakan diambil.

"Kita tidak menghalang jika terdapat sebarang projek pembangunan yang akan



KEADAAN lori tanah yang melalui jalan Taman Seri Gombak.

FAKTA
Lori berkenaan beroperasi tanpa batas dari jam 8 pagi hingga 7.30 malam tanpa mengira hari biasa atau cuti

dijalankan seperti yang dikatakan oleh MPS tetapi kita mahu laluan lori dialih ke tempat lain dan tidak melalui kawasan perumahan penduduk.

"Sepanjang 15 tahun lalu, penduduk sudah cukup menderita dengan masalah kesihatan, pencemaran bunyi dan terdedah kepada risiko keselamatan disebabkan lori muatan tanah berkenaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Menurutnya, kawasan perumahan penduduk juga sering dikawal oleh tonto yang menjaga setiap simpang bagi mengawal aktiviti mereka

daripada dikesan pihak berkuasa.

"Walaupun sudah banyak operasi sita dan saman dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dan Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi lori-lori masih bermaharajalela di kawasan ini.

"Kami syak tapak projek itu adalah projek haram kerana jika dikatakan projek pembangunan, sepatutnya mereka memasang papan tanda projek menyebabkan penduduk tertanya-tanya mengenai kegiatan lori keluar masuk ke tapak projek berkenaan," katanya.

Seorang lagi penduduk, Samsudin Abd Bakar, 60,

berkata, berikutan masalah itu, banyak struktur permukaan jalan rosak dan berlubang akibat lori tanah membawa muatan berat.

"Bukan itu saja, lori berkenaan juga tidak mengikut waktu operasi yang ditetapkan di mana mereka beroperasi tanpa batas dari jam 8 pagi hingga 7.30 malam tanpa mengira hari biasa atau hari cuti.

"Kami berharap pihak berkuasa tempatan segera mengambil tindakan terhadap aktiviti yang berlaku di tapak projek berkenaan dan mengalihkan laluan lori supaya tidak mengganggu kesejahteraan penduduk di sini," katanya.